

Headline	Kaunter Tenaga jejas pasaran		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	49
ArticleSize	305 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 30,415		



# Kaunter Tenaga jejas pasaran

Jualan saham  
wajaran tinggi  
heret turun  
bursa tempatan

## Ulasan Pasaran

**Bursa** Malaysia ditutup rendah pada akhir dagangan semalam, selari prestasi bursa serantau, diheret turun oleh aktiviti jualan saham wajaran tinggi, diketuai Tenaga Nasional.

Pada rehat tengah hari, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) susut 4.01 mata kepada 1,576.59 berbanding 1,580.6 pada penutupan Selasa.

Indeks dibuka 0.66 mata lebih rendah pada 1,579.94 serta bergerak antara 1,573.92 dan 1,582.63 di sepanjang sesi pagi.

Kerugian kaunter Tenaga mengheret turun indeks komposit sebanyak 1.402 mata. Saham syarikat utiliti itu merosot 14 sen kepada RM12.76, dengan 1.2

juta saham bertukar tangan.

Kedudukan pasaran secara menyeluruh negatif, dengan kaunter rugi mengatasi kaunter untung sebanyak 422 berbanding 268, manakala 385 kaunter tidak berubah, 1,967 tidak diniagakan dan 18 yang lain digantung.

Jumlah dagangan sebanyak 1.44 bilion saham bernilai RM642.72 juta.

Peniaga berkata, kebanyakan bursa Asia berada dalam aliran menurun menjelang penandatanganan perjanjian perdagangan fasa pertama, AS-China.

"Sentimen pasaran merosot selepas Setiausaha Perbendaharaan AS mengulas bahawa Washington tidak akan memansuhkan tarif ke atas import China sehingga pemilihan presiden 2020.

"Ini mendorong pelabur menunggu petunjuk baharu hasil perjanjian perdagangan tersebut," katanya.

Bagi saham wajaran tinggi, Maybank susut empat sen kepada RM8.61, Public Bank meningkat 22 sen kepada RM19.36, manakala Petronas Chemicals dan



CIMB masing-masing tidak berubah pada RM7.09 dan RM5.18.

Antara saham aktif, Vortex tidak berubah pada 15 sen, TH Heavy menambah 1.5 sen kepada 11.5 sen, manakala London Biscuits susut satu sen kepada 2.5 sen.

Di papan skor, Indeks FBM Emas turun 30.24 mata kepada 11,252.96 dan Indeks FBM Emas Syariah susut 57.18 mata kepada 11,868.98.

Indeks FBMT 100 merosot 31.22 mata kepada 11,041.21, FBM 70 turun 52.71 mata kepada 14,161.64 manakala FBM Ace susut 6.44 mata kepada 5,544.01.

Mengikut sektor, Indeks Produk dan Perkhidmatan Perindustrian meningkat 0.29 mata kepada 152.77, Indeks Perkhidmatan Kewangan naik 7.66 mata kepada 15,386.65. Indeks Perladangan pula susut 53.96 mata kepada 7,548.36. BERNAMA